

## **JOM BACA BERSAMA 10 MINIT**

**AKTIVITI** : Program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit

**TARIKH**: 22 April 2021 (Khamis)

**TEMPAT** : Speaker's Corner, Perpustakaan INSTUN

**PENGLIBATAN** : 50 orang

### **RINGKASAN PROGRAM:**

Program "Jom Baca Bersama 10 Minit" merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang disambut pada setiap tahun untuk menggalakkan pembacaan, penerbitan dan perlindungan harta intelek hak cipta. Program ini merupakan langkah ke arah membentuk masyarakat minat membaca walaupun dalam tempoh yang singkat (10 minit). Ia merupakan sokongan semua perpustakaan di seluruh Malaysia bersama-sama pihak kerajaan untuk meningkatkan tabiat budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Orang ramai digalakkan untuk berhenti seketika pada waktu tersebut dan mengambil bahagian dengan membaca apa-apa jua jenis bacaan.

Antara pengisian sepanjang program berlangsung adalah:

- i) Ceramah oleh Sr. Fazili bin Md. Yusuf bertajuk "Baru Seminggu Puasa, Bila Hari Raya".
- ii) Membaca senyap selama 10 minit.
- iii) Resensi buku oleh Pn. Norehan binti Omar, Pengarah INSTUN.



Ceramah oleh Sr. Fazili bin Md. Yusuf bertajuk “Baru Seminggu Puasa, Bila Hari Raya”.



Membaca selama 10 Minit



Bergambar bersama bahan bacaan pilihan.